

► Mendengar dan Bertutur

Lengkapkan perbualan di bawah ini dengan jawapan yang sesuai. Kemudian, berbualah dengan rakan anda. **SP 1.5.3**

mati lemas mendung	keruh kepala air	mangsa air terjun		
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%; text-align: center; padding: 5px;"> waspada buih </td> <td style="width: 50%; text-align: center; padding: 5px;"> hanyut arus sungai </td> </tr> </table>			waspada buih	hanyut arus sungai
waspada buih	hanyut arus sungai			

Deven: Tidak lama lagi cuti sekolah. Kamu ada perancangan untuk pergi ke mana-mana, Farel?

Farel: Ada, Deven. Keluarga saya bercadang untuk berkelah di kawasan (1) _____ yang terkenal di Selangor.

Deven: Wah, seronoknya! Kamu mesti sentiasa (2) _____ semasa mandi di kawasan air terjun itu nanti.

Farel: Mengapakah kamu berkata begitu, Deven?

Deven: Saya cuma mahu mengingatkan kamu kerana telah banyak kes (3) _____ akibat kejadian (4) _____ di kawasan air terjun. Kebanyakan (5) _____ tidak menyedari tanda-tanda sebelum kehadiran kepala air itu.

Farel: Apakah tanda-tandanya, Deven?

Deven: Ada beberapa tanda sebelum berlakunya kepala air. Pertama, berlaku perubahan cuaca seperti (6) _____ atau hujan. Kedua, (7) _____ berubah daripada tenang menjadi deras. Ketiga, warna air sungai berubah menjadi (8) _____. Seterusnya, muncul (9) _____, daun, atau ranting kayu yang (10) _____ dibawa arus. Kamu perlu sentiasa peka akan tanda-tanda tersebut dan keluarlah dari kawasan air terjun dengan segeranya apabila tanda-tanda tersebut berlaku.

Farel: Terima kasih, Deven atas peringatan yang berguna ini.

(A) Kamus Mini

1. mati lemas – mati kerana tidak dapat bernafas (seperti di dalam air, kena gas, dan sebagainya)
2. keruh – tidak jernih (kandungan air mengandungi kotoran sedimen, lumpur, dan lain-lain)
3. mangsa – orang atau haiwan yang menjadi korban bencana (kecurian, penipuan, kebakaran, peperangan, dan lain-lain)
4. waspada – tidak cuai atau lalai, berhati-hati, berjaga-jaga
5. hanyut – dibawa mengalir (ombak, banjir, dan sebagainya)
6. mendung – awan yang mengandungi hujan
7. kepala air – permulaan atau penghabisan air mengalir
8. air terjun – air yang mengalir dan jatuh dari tempat yang tinggi
9. buih – gelembung-gelembung udara pada cecair, busa
10. arus sungai – gerakan air mengalir